

Misi mengangkasa pengajian tinggi

Pelan transformasi menerusi tujuh teras bentuk ketokohan komuniti akademik

Oleh Zaini Ujang

HAMPIR setiap negara melakukan pelbagai inisiatif untuk memantapkan sistem pengajian tinggi masing-masing. Di negara maju, inisiatif itu dimulakan dari bawah dan kemudian disokong dasar kerajaan yang proaktif terhadap perkembangan akademia. Di negara membangun pula biasanya dimulakan dengan dasar kerajaan dan penyediaan dana ke arah peningkatan kualiti pengajian tinggi.

Inisiatif pemantapan pengajian tinggi dirangka kerana teras pembangunan semasa semakin bergantung kepada ekonomi berasaskan pengetahuan menerusi modal insan kelas pertama. Dari segi prinsip, inisiatif dan modus operandi tersebut tidak banyak berbeza kerana teras kecemerlangan pengajian tinggi - di mana saja tanpa mengira status negara membangun atau

Menerusi PSPTN, kita berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa di rantau ini. Pelancaran PSPTN tahun lalu seiring dengan usaha merealisasikan Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Sehubungan itu, KPT telah menubuhkan Pejabat Pengurusan Program (PMO) sebagai urus setia pelaksanaan PSPTN menggunakan pendekatan Balance Score Card bagi merekod pencapaian pelaksanaan program yang akan dikemukakan kepada Kabinet setiap enam bulan.

Selain itu, beberapa inisiatif tambahan juga dirangka seperti Pelan Strategik ICT, Pengantarabangsaan dan Perbelanjaan Berhemah bagi memantapkan lagi sistem penyampaian KPT. Kajian serta penambahbaikan dan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996 serta penggubalan Akta Agensi Kelayakan



Mohamed Khaled

melakukan anjakan paradigma menjadi sarjana kelas dunia. Kualiti pengajian tinggi diukur menerusi ketokohan komuniti akademik, terutama profesor yang seharusnya diiktiraf kumpulan pakar sebidang peringkat antarabangsa. Itulah sebabnya banyak universiti ternama dunia berusaha mendapat atau melanjutkan khidmat profesor tersohor yang kadang-kala sudah lanjut usianya, bahkan sesetengahnya sudah lemah dari segi fizikal.

Hal sedemikian kerana yang diperlukan bukan nota kuliah, syarahan atau kekekapannya mentadbir tetapi lebih kepada kematangan ilmu, ketajaman perspektif, komitmen dan luahan aspirasi yang dicernakan menerusi penyelidikan dan diserlahkan menerusi wacana dan penulisan bermutu.

Ketika ini - pada hemat saya - masyarakat kita di Malaysia lebih cenderung menilai kehebatan seseorang 'tokoh akademik' dari segi 'aspek bukan akademik' seperti ke-

maju - adalah sama, iaitu komuniti akademik cemerlang, kepimpinan dinamik dan dasar proaktif, sistem penyampaian efektif dan efisien.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, telah melancarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) pada 27 Ogos 2007 yang menjadi asas kukuh kepada transformasi pengajian tinggi negara. Susulannya, pada 13 Jun lalu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin melancarkan pula pelan transformasi pengajian tinggi untuk menggariskan langkah konkrit melaksanakan PSPTN dan mengangkasakan prestasi institusi pengajian tinggi (IPT) menandingi pencapaian universiti ternama dunia.

Pelan transformasi itu memberi penekanan terhadap kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi menerusi tujuh teras strategik PSPTN.

Menurut Khaled, transformasi itu merujuk kepada anjakan keseluruhan interaksi KPT dengan institusi di bawah seliaannya. Dalam transformasi ini, peranan KPT tidak lagi hanya penggubal dan penguatkuasa dasar, tetapi sebagai pemudahcara dan pembimbing dalam memperkasa ekosistem pendidikan tinggi negara. Rakan pembimbing tidak hanya menyediakan hala tuju strategik, malah turut menawarkan sokongan diperlukan mencapai matlamat PSPTN.

Sehubungan itu, Khaled melancarkan transformasi membabitkan teras strategik ketujuh dalam PSPTN, iaitu menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan KPT menerusi peningkatan kecekapan, keberkesanan dan integriti dalam tadbir urus dan pengurusan organisasi.

Selain itu, budaya kerja berprestasi tinggi, kerja berpasukan dan profesionalisme juga menjadi keutamaan, di samping pengalihan sumber kewangan untuk mencapai matlamat ditetapkan. Ketujuh-tujuh teras ini juga memberi tumpuan kepada pengembangan sumber manusia dengan sinergi kepakaran lama, sedia ada dan baru, dan penyediaan struktur-info yang tepat dan kemas kini.

Malaysia (MQA) 2006 juga telah dilaksanakan. Pindaan ke atas beberapa peruntukan AUKU dijangka menyediakan ruang dan fleksibiliti kepada pentadbir universiti dan komuniti akademik.

Penyemakan semula Akta IPTS dan penubuhan MQA telah membantu IPTS mempertingkatkan kualiti pengajian. Di samping itu, pelbagai inisiatif giat dilaksanakan memperkukuhkan IPTS melalui penggabungan supaya hanya institusi beribawa saja dibenarkan meneruskan operasi. Buku Kod Amalan Jaminan Kualiti Institusi diterbitkan MQA pula menjadi garis panduan serta penentu standard IPT menerusi penilaian kriteria ditetapkan.

Penggunaan Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) telah memudahkan capaian kepada maklumat dan pangkalan data. Sistem dalam talian dan maklumat yang dibangunkan oleh KPT seperti MyMOHES, Sistem Pengesanan Graduan, Direktori Profil Akademik, e-Parlimen, ICMS, e-Sila dan KPT Media Eye telah membantu meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kita.

Memang difahami umum, sebagaimana ditegaskan Khaled, bahawa faktor sumber manusia memainkan peranan terpenting menjayakan misi mengangkasakan pengajian tinggi. Dalam konteks pengajian tinggi, komuniti ilmiah merangkumi staf akademik, pentadbir dan sokongan perlu memahami idealisme akademia dari perspektif unggul.

Dalam tradisi ilmu - sebagaimana terdapat dalam catatan sejarah semua peradaban - komuniti ilmiah berperanan besar dan penentu kepada kesinambungan peradaban. Kemajuan ilmu sesuatu peradaban atau bangsa banyak bergantung kepada kewibawaan dan komitmen komuniti ilmiahnya.

Dalam tradisi ilmu Islam misalnya, komuniti ilmu adalah pewaris kenabian. Mereka mempunyai gagasan ilmu ideal mengatasi kepentingan peribadi, kebendaan dan kedudukan duniawi. Mereka juga melletakkan idealisme sebagai pendorong utama memajukan bidang keilmuan. Itulah pendorong yang memacu perkembangan

INFO

Tujuh teras strategik PSPTN

- 1 Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
- 2 Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
- 3 Memperteguh penyelidikan dan inovasi
- 4 Memperkasa IPT
- 5 Mempergiat pengantarabangsaan
- 6 Membudaya pembelajaran sepanjang hayat
- 7 Memperkukuh sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

sains semasa zaman keagungan Islam. Hal sama berlaku pada era Pembaharuan di Eropah dan pasca Perang Dunia Kedua di Jepun.

Menyedari hakikat itu, usaha KPT melakukan transformasi berasaskan kepada transformasi diri perlu difahami dan dihayati sebaiknya. Transformasi ini tidak seharusnya hanya terhad kepada soal 'kerjaya' membabitkan syarat kelayakan akademik, pangkat dan sasaran kerja, bahkan perlu dicernakan dalam bentuk aspirasi, nilai, sikap, komitmen, cara hidup dan sumbangan dalam bentuk magnum opus. Pada hemat saya, transformasi diri ini menjadi syarat terpenting sebelum kita berbicara tentang kejayaan menapak lebih jauh menyaingi negara lain, apatah lagi universiti berjenama seperti MIT, Cambridge dan Harvard.

Transformasi itu juga perlu difahami, khususnya ahli akademik, supaya bersedia

segi 'aspek' bukan akademik' seperti kecekapan mengurus, networking, kekerapan mendapat sorotan media massa dan kadang-kala pangkat serta anugerah diraih. Aspek bukan akademik tersebut memang penting bagi kelangsungan sesebuah IPT tetapi tidak banyak kesannya dalam memacu usaha menjadikan Malaysia pusat pengajian tinggi di rantau ini.

Memang tidak dinafikan kepentingan kepemimpinan akademik yang dinamik, berpengalaman dan proaktif pada pelbagai peringkat. Malah kita juga memerlukan kelompok pentadbir universiti yang telah menempuh laluan akademik cemerlang kerana mentaliti orang Malaysia masih lagi terikat kepada pepatah ketam tidak boleh mengajar anaknya berjalan betul.

Dalam keadaan IPT kita yang sudah jauh berkembang ketika ini, kita juga perlu memberi tumpuan untuk melahirkan lebih ramai tokoh akademik yang mempunyai pengkhususan (specialization), komitmen dan laluan kerjaya yang setanding dengan sarjana universiti ternama. Jika kita berhasrat menjadikan sesebuah universiti tempatan sehebat Harvard maka kita perlu memastikan terlebih dulu kualiti sarjana bertaraf Harvard dari segi sumbangannya kepada pembangunan disiplin ilmu. Adalah mustahil untuk kita mencapai kelas Harvard jika kewibawaan ahli akademik hanya setakat kelas Newcastle walaupun disediakan gaji, prasarana dan kemudahan lebih hebat dari Harvard!

Soalnya, apakah kita menyediakan ruang bagi membolehkan komitmen, ketekunan, kegilaan dan keasyikan menerokai bidang ilmu itu membenih dan bercambah di IPT tempatan? Yang pasti, transformasi KPT yang dilancarkan Khaled minggu lalu adalah langkah awal strategik mempersiapkan iklim dan persekitaran sesuai untuk kita menyediakan apa saja ramuan dan syarat menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi antarabangsa.

Prof Datuk Dr Zaini Ujang ialah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)